

Tajuk : Dr M secara rasmi Penaung Alumni UNIMAS

Dr M secara rasmi Penaung Alumni UNIMAS

KOTA SAMARAHAN: Bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr Mahathir Mohamad secara rasmi menerima lantikan sebagai Penaung Alumni Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) yang berkuat kuasa 29 Februari lalu.

Timbalan Naib Canselor UNIMAS Mohd Fadzil Abdul Rahman memberitahu, dengan lantikan Negarawan Terbilang itu akan meningkatkan inspirasi perjuangan UNIMAS khasnya dan alumni amnya untuk memajukan universiti itu ke arah kegemilangan.

“Beliau adalah alumni UNIMAS yang sangat disanjung tinggi dan menerima Ijazah Kehormat Pengajian Pembangunan pada satu Majlis Kovenant Khas pada 2004 di Dewan UNIMAS Kampus Timur.

“Pada Majlis tersebut UNIMAS telah menghadiahkan beliau sebuah video klip khas berjudul ‘Negarawan Terbilang’ arahan Anwar Ayob, lagu Hafiz Askiak dan lirik Noorma Ismail yang telah banyak berjasa kepada UNIMAS seperti meletakkan batu asas UNIMAS pada 31 Ogos 1993,” katanya pada sidang media di Rumah Universiti di sini semalam.

Mohd Fadzil memberitahu jumlah alumni UNIMAS sehingga kini adalah seramai 17,003 orang yang terdiri daripada bekas pelajar prasiswazah 15,723 orang dan siswazah 1,280 orang.

Pada masa sama, beliau menyarankan semua alumni UNIMAS memahami nilai penubuhan alumni yang sebenar.

Selain itu, ketika ditanya mengenai pelaksanaan 120 jam kredit untuk aktiviti ‘senggang’ (beriadah) di UNIMAS yang dikatakan akan membebankan para pelajar, beliau berkata: “Ia bukan sesuatu bebanan untuk mereka, 120 jam kredit jika dibahagikan hanya 20 jam satu semester.

“Sebagai contoh mereka hanya perlu main boling satu hari empat jam, kalau lima hari main sudah penuh 20 jam dan ini tidak membebankan sebenarnya kerana kita tidak mahu pelajar kita macam robot hanya belajar sahaja,” katanya lagi.

Jelasnya, jika seseorang pelajar itu sudah berfikiran bahawa ia sesuatu yang membebankan, maka apa yang baik dilaksanakan akan menjadi beban kepada mereka.

“Jika mereka percaya perkara itu beban, maka apa sahaja yang baik untuk mereka akan menjadi beban tetapi kalau mereka pergit tengok wayang selama dua jam sehari tidak membebangkan pula,” tambahnya.

Hadir sama pada sidang media semalam Penolong Pendaftar Kanan Pusat Khidmat Pelajar (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Noorma Ismail dan Ketua Pusat Khidmat Pelajar Zuriadah Abang.